

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : YB TUAN AKMAL NASRULLAH BIN
MOHD. NASIR [JOHOR BAHRU - PKR]**

SOALAN

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan usaha-usaha yang telah dijalankan bagi menggalakkan penglibatan golongan belia dalam keusahawanan ekonomi digital sebagai salah satu cara menangani kadar pengangguran belia yang tinggi.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Kementerian Belia dan Sukan (KBS) mengambil maklum senario terkini mengenai kadar pengangguran belia yang tinggi. Dalam usaha menangani masalah ini, KBS telah mengambil beberapa inisiatif bagi meningkatkan penglibatan golongan belia untuk menyertai industri keusahawanan digital. Inisiatif ini merangkumi 4 program utama yang dilaksanakan di seluruh negara dengan jumlah penyertaan seramai 30,428 orang sehingga Jun 2019. Antara program yang dilaksanakan adalah :

- (a) Bengkel Pembangunan Digital (*Young Heroes*) dengan tujuan meningkatkan pendapatan dan mengembangkan perniagaan melalui platform perniagaan atas talian. Bengkel ini dilaksanakan di semua zon di seluruh negara.
- (b) Program *Youth Career* (Y-Career) bertujuan membantu belia B40 (bandar dan luar bandar) mengikuti latihan kemahiran khusus sebelum diserapkan dalam pasaran pekerjaan. Ia

SOALAN NO : 70

dilaksanakan dalam dua siri di 15 negeri termasuk satu program di peringkat kebangsaan dengan jumlah penyertaan seramai 398 sehingga Jun 2019.

- (c) Program Karnival *Youth Business Expo* (Ybex) sebagai platform usahawan belia menjalinkan hubungan dengan pemain industri korporat dan menambah peluang pekerjaan dan latihan. Karnival ini dilaksanakan di setiap negeri dengan jumlah penyertaan seramai 30,000 orang peserta secara keseluruhan.

2. Selain itu, Kementerian juga mewujudkan Portal YEN (*Youth Entrepreneurial Network*) sebagai pusat sehenti maya bagi usahawan muda mendapatkan kemudahan latihan dan dana pembiayaan untuk memulakan perniagaan. Sehingga Jun 2019, jumlah pengguna berdaftar portal YEN adalah seramai 2,644 orang. Portal ini juga menyenaraikan peluang-peluang latihan keusahawanan yang ditawarkan oleh pelbagai agensi kerajaan. Antara Agensi rakan strategik YEN yang aktif adalah:

- (a) Majlis Amanah Rakyat (MARA)
- (b) Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB)
- (c) Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (TEKUN Nasional).

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : TUAN AKMAL NASRULLAH BIN MOHD.
NASIR [JOHOR BAHRU]**

SOALAN NO. 71

TUAN AKMAL NASRULLAH BIN MOHD. NASIR [JOHOR BAHRU] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah terdapat perancangan untuk memperbaiki dan menaik taraf sistem parkir di hospital-hospital Kerajaan oleh kerana masalah kesesakan yang biasa berlaku dalam kawasan hospital.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) menyedari bahawa wujud isu berhubung kekurangan petak tempat letak kereta (TLK) di kebanyakan fasiliti kesihatan Kerajaan milik KKM, khususnya di fasiliti kesihatan yang terletak di kawasan penduduk berkepadatan tinggi. Hal ini timbul berikutan pertambahan pengunjung yang mendapatkan rawatan di fasiliti-fasiliti tersebut. KKM telah memulakan perancangan untuk melaksanakan projek pembinaan TLK Bertingkat secara Kerjasama Awam Swasta (*Public Private Partnership – PPP*) melalui kaedah *Build-Operate-Transfer* (BOT), di mana Kerajaan akan memberikan peluang kepada pihak luar untuk menambah bilangan petak TLK bagi menjamin keselesaan pengunjung ke hospital dan seterusnya mengoperasikan ruang TLK sedia ada di hospital - hospital yang terlibat. Projek ini bertujuan untuk meningkatkan keberkesanan pengoperasian perkhidmatan hospital di samping membantu melicinkan lagi aliran trafik di sekitar kawasan hospital.

Walau bagaimanapun, terdapat implikasi sekiranya projek ini dilaksanakan, di mana syarikat yang dilantik mengoperasikan perkhidmatan TLK tersebut akan mengenakan caj kepada orang ramai. Dalam hal ini, KKM perlu berunding dengan syarikat yang dilantik bagi memastikan caj yang bakal dikenakan tidak membebankan orang ramai. KKM juga perlu mengenalpasti lokasi yang berpotensi di dalam kawasan hospital untuk membina kompleks TLK dan ini menjadi sukar, terutama sekali bagi fasiliti-fasiliti kesihatan yang telah memaksimumkan penggunaan tanah di lokasi masing-masing. KKM kini dalam proses untuk merintiskan pelaksanaan projek ini terlebih dahulu di dua (2) buah hospital Kerajaan yang mengalami masalah kesesakan dan kekurangan TLK yang kritikal bagi memastikan projek tersebut berdaya saing.

Sekian, terima kasih.